

Ruj : AKKM (U) 20/BKS/PS Jld.2 (08)

Tarikh : 05 Mac 2019

**Pengerusi/Setiausaha
Koperasi Sekolah Menengah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN LAPORAN ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH
(GP AKKS) 2019**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun ini Laporan Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2019 terdapat beberapa perubahan. Oleh itu, keseluruhan penilaian AKKS 2019 adalah berdasarkan pecahan bahagian yang telah dinyatakan di dalam GP AKKS 2019 yang berdasarkan keseluruhan aktiviti pentadbiran, pengurusan dan perniagaan koperasi sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan (GP) AKKS 2019 telah diubahsuai sepenuhnya berdasarkan perkembangan semasa gerakan koperasi sekolah di Malaysia. ANGKASA meminta jasa baik pihak tuan untuk menghantar Laporan AKKS 2019 mengikut Garis Panduan AKKS 2019 yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Koperasi Sekolah yang terdiri daripada wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tarikh akhir penghantaran laporan adalah 11 September 2019 (Selasa), sebelum jam 4.30 petang. Laporan selepas pada tarikh akhir penerimaan tidak akan dinilai untuk ke peringkat seterusnya. Pihak tuan boleh melaporkan AKKS 2019 berdasar garis panduan yang telah dibekalkan.

4. Bersama dengan surat ini dilampirkan Garis Panduan Laporan AKKS 2019, borang laporan AKKS (BKS-AKKS2019) dan borang pencalonan (Pengerusi Terbaik, Guru Koperasi Pembimbing Terbaik dan Koperator Terbaik) untuk rujukan dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan boleh terus berhubung dengan pegawai ANGKASA yang dinyatakan di dalam GP AKKS 2019.

Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam usaha memperkembangkan gerakan koperasi sekolah menerusi pendidikan dan pembelajaran amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"SADIK AMANAH, TELUS"

Yang benar,


ABD HALIM HJ MAHMUD
Pengerusi
Bahagian Koperasi Sekolah
ANGKASA

sk

- Pengerusi Bahagian Koperasi Sekolah
- Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni, KPM
- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- Pengerusi JPN
- Fail

